

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017
SOALAN : 40

YB Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kajian saintifik telah dijalankan ke atas susu tepung Anlene Plus yang mendakwa boleh mencegah penyakit jantung seperti yang diiklankan.

Tuan Yang Di Pertua,

Peraturan 18(6), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak membenarkan akuan kesihatan berkaitan pencegahan, pengurangan, perawatan atau penyembuhan penyakit.

Merujuk kepada iklan susu tepung Anlene Plus yang disiarkan di televisyen, Bahagian ini mendapati tiada akuan yang dibuat secara langsung yang mengaitkan produk tersebut dengan pencegahan penyakit jantung. Walau bagaimanapun, semakan iklan yang disiarkan di laman web syarikat pengeluar produk mendapati akuan yang tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 ada dipaparkan. Sehubungan itu, Kementerian

Kesihatan Malaysia sedang mengambil tindakan sewajarnya ke atas iklan tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa, Peraturan 18E, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 membenarkan akuan fungsi nutrien dibuat terhadap produk makanan. Pihak industri boleh mengemukakan permohonan tersebut bersama bukti-bukti saintifik terkini berdasarkan kajian-kajian tempatan mahupun antarabangsa. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab industri untuk memastikan akuan yang dibuat mematuhi Peraturan-Peraturan Makanan 1985.